

14/12/2000

Usaha Suqiu seperti tegakkan benang basah

JAWATANKUASA Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) selama ini memberi gambaran bahawa 83 tuntutannya yang terkandung dalam memorandum mengandungi 17 tajuk, mewakili keseluruhan pertubuhan Cina sedangkan ia tidak pun demikian. Terbaru, satu pendedahan dibuat bahawa Suqiu tidak berbincang secara rasmi dengan 2,095 pertubuhan Cina bagi mendapatkan perakuan mereka terhadap tuntutan berkenaan.

Dengan draf memorandum itu dihasilkan menerusi perbincangan di kalangan hanya 11 persatuan peringkat kebangsaan Mei tahun lalu, kita tidak nampak alasan mengapa Suqiu harus terus menegakkan benang basahnya. Pelbagai penjelasan sudah dibuat terhadap mengapa tuntutan mereka tidak boleh dipenuhi tetapi Suqiu nampaknya memilih untuk terus berdegil. Malah, dengan sokongan sekecil itu, rumusan boleh dibuat bahawa Suqiu hanya mewakili kepentingan satu kelompok masyarakat Cina yang terasing.

Implikasi 83 tuntutan berkenaan jelas terlalu besar. Di sebalik Malaysia tidak lagi akan aman dan tidak mungkin tidak maju sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemansuhan perbezaan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera akan menyebabkan negara huru-hara. Kita percaya bukan itu yang dimahukan oleh majoriti masyarakat Cina sendiri kecuali segelintir pemimpin Suqiu yang keras kepala. Ada kewajarannya untuk pertubuhan itu merenung kembali pendiriannya dan menghormati pandangan rakyat terbanyak.

(END)